

SIJIL IKHLAS GROUP PERSONAL ACCIDENT TAKAFUL

SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Kemalangan Diri Anda.

PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Syarikat.
4. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Jadual menunjukkan pelan perlindungan yang telah anda pilih, Amaun Perlindungan dan sebarang syarat-syarat khas yang berkaitan dengan Sijil Takaful anda. Untuk memastikan ia melindungi apa yang anda perlukan, sila baca Sijil Takaful dan Jadual Takaful ini.
6. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

Kontrak Takaful untuk Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

Kontrak Takaful untuk Komersil (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan Borang Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh anda Akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **“Kemalangan”** bermaksud sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar jangkaan Orang Yang Dilindungi yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.
2. **“Manfaat”** bermaksud jumlah perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
3. **“Kecederaan Tubuh Badan”** bermaksud kecederaan secara tunggal dan langsung akibat Kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.
4. **“pihak Syarikat, Kami”** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana- mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
5. **“Endorsmen”** bermaksud bukti bertulis untuk sebarang perubahan ke atas Sijil Takaful asal.
6. **“Orang Yang Dilindungi”** bermaksud seseorang yang dilindungi di bawah Sijil takaful seperti yang disenaraikan oleh Peserta Takaful.
7. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Orang Yang Dilindungi dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Orang Yang Dilindungi atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Orang Yang Dilindungi.
8. **“Tempoh Takaful”** bermaksud tempoh perlindungan yang tertera di dalam Jadual.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

9. **"Qard"** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
10. **"Dana Risiko"** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
11. **"Jadual"** bermaksud maklumat yang merangkumi profil Peserta Takaful, Manfaat, Sumbangan Takaful dan tempoh perlindungan Takaful yang dilampirkan bersama-sama dengan Sijil Takaful.
12. **"Tabarru'"** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
13. **"Takaful"** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
14. **"Perniagaan Takaful"** bermaksud urusan niaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
15. **"Sijil Takaful"** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
16. **"Sumbangan Takaful"** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
17. **"Peserta Takaful, Anda"** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai "Peserta".
18. **"Wakalah"** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

PERUNTUKAN AM

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini akan melindungi Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang berpunca dari:-

1. **AKTIVITI RUSUHAN AWAM** dengan syarat Orang Yang Dilindungi tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti tersebut.
2. **PENGLIBATAN ATAU PENDEDAHAN** yang berkaitan dengan kematian Orang Yang Dilindungi berpunca dari pendedahan selepas kemalangan ketika berada di dalam Penyiasatan Kehakiman.
3. **KEHILANGAN** kepada Orang Yang Dilindungi selepas tempoh satu (1) tahun dan pihak Syarikat telah memeriksa bukti-bukti yang telah dikenalpasti menunjukkan bahawa kemungkinan berlakunya Kemalangan. Sekiranya selepas pembayaran oleh pihak Syarikat, Orang Yang Dilindungi yang terlibat didapati masih hidup, pemulangan semula jumlah pampasan hendaklah dilakukan kepada Syarikat oleh Orang Yang Dilindungi tersebut.
4. **MENUNGGANG MOTOSIKAL** sama ada sebagai penunggang atau pembonceng untuk tujuan persendirian mahupun urusan perniagaan. Namun pihak Syarikat tidak akan membayar sekiranya Orang Yang Dilindungi terlibat di dalam aktiviti perlumbaan, ujian penentuan kadar, pertandingan kelajuan, ujian keboleh-harapan dan lain-lain ujian. Syarikat juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya Orang Yang Dilindungi tidak menggunakan topi keledar keselamatan atau tidak memiliki lesen memandu kenderaan yang sah semasa menunggang motosikal.
5. **RAMPASAN** Perlindungan Sijil Takaful ini akan terus berkuat kuasa walaupun ketika Orang Yang Dilindungi di bawah kawalan pihak pengkhianat atau anasir-anasir yang bersekutu dengannya, ketika di dalam perjalanan terus ke tempat tinggal domisil dan/ atau ke destinasi asal Orang Yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Rampasan. Untuk tujuan Sijil Takaful ini, Rampasan bermaksud, penawanan atau perbuatan yang berlawanan dari aktiviti rutin bagi sesuatu pesawat udara atau krew, di mana Orang Yang Dilindungi menjadi salah seorang penumpang. Namun demikian, penambahan ini akan terbatal dengan sendirinya sekiranya peristiwa ini berpunca dari Pengecualian 1.

PERUNTUKAN KHAS

1. HILANG KEUPAYAAN MENYELURUH SEMENTARA

Hilang keupayaan menyeluruh sementara terhadap Orang Yang Dilindungi adalah hilang keupayaan yang menghalang Orang yang Dilindungi secara menyeluruh dan sementara daripada menghadiri, melibatkan diri atau memberi perhatian kepada sebarang jenis perniagaan atau pekerjaan. Manfaat yang akan dibayar adalah pampasan secara mingguan mengikut jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah maksimum bilangan minggu yang dinyatakan daripada tarikh Orang Yang Dilindungi diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah.

2. HILANG KEUPAYAAN SEPARA DAN SEMENTARA

Hilang keupayaan separa dan sementara terhadap Orang Yang Dilindungi adalah hilang keupayaan yang menghalang Orang Yang Dilindungi secara sementara daripada menghadiri, melibatkan diri atau memberi perhatian kepada sebarang jenis perniagaan atau pekerjaan tetapi tidak menyebabkannya hilang keupayaan sementara sepenuhnya. Manfaat yang akan dibayar adalah pampasan secara mingguan mengikut jumlah

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga jumlah maksimum bilangan minggu yang dinyatakan daripada tarikh Orang Yang Dilindungi diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah.

3. PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian apabila berlakunya kematian akibat Kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi.

4. PERBELANJAAN PERUBATAN

Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan adalah sehingga jumlah seperti yang tertera di dalam Jadual.

5. ELAUN HOSPITAL

Elaun harian untuk tempoh seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, berkuat kuasa daripada tarikh kemasukan Orang Yang Dilindungi ke mana-mana hospital kerajaan/swasta akibat daripada Kemalangan.

6. FI AMBULAN

Pembayaran semula kos sebenar fi perkhidmatan Ambulan adalah sehingga jumlah seperti yang tertera di dalam Jadual, akan dibayar sekira berlakunya Kemalangan.

7. RAGUT

Ragut bermaksud kehilangan dompet, atau beg lain berserta dengan kandungan di dalamnya milik Orang Yang Dilindungi, atau kehilangan apa-apa barang berharga yang dipakai oleh Orang Yang Dilindungi, pada masa material, akibat diragut oleh orang yang tidak dikenali termasuk percubaan ke arah tersebut.

Sekiranya berlaku kejadian ragut, jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi, dengan syarat laporan polis diserahkan kepada pihak Syarikat.

8. PAMPASAN AKIBAT TRAUMA DIROGOL

Sekiranya Orang Yang Dilindungi melalui pengalaman dirogol, pampasan akibat trauma akan dibayar mengikut jumlah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat laporan polis dan laporan perubatan yang berkaitan diserahkan kepada pihak Syarikat.

9. INDEMNITI BERGANDA APABILA BERLAKU KEMATIAN KETIKA MENAIKI KENDERAAN AWAM

Pelan ini memberikan jumlah tambahan terhadap manfaat kematian sekiranya berlaku kematian kepada Orang Yang Dilindungi akibat Kemalangan ketika menaiki kenderaan awam sebagai penumpang yang membayar tambang.

MEMORANDUM

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu (1) Sijil Takaful Kemalangan Diri yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat (sama ada berkelompok atau individu), Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat manfaat tambahan memandangkan pampasan hanya dibayar untuk setiap satu (1) Kemalangan.

Walau bagaimanapun, bayaran untuk manfaat kematian tidak menghalang pembayaran di bawah peruntukan Endorsmen ini.

Peruntukan Endorsmen ini adalah tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat atau pengecualian-pengecualian di dalam Sijil Takaful ini.

1. KEMATIAN

Kematian Orang Yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

2. HILANG KEUPAYAAN KEKAL

Hilang keupayaan kekal terhadap Orang Yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

SKALA PAMPASAN		
AKIBAT	KETERANGAN	MANFAAT
1	Kematian	Jumlah yang tertera di dalam Jadual
2	Hilang Keupayaan Kekal: 1. Kehilangan kedua anggota badan 2. Kehilangan kedua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari 3. Kehilangan seluruh penglihatan 4. Lumpuh sepenuhnya 5. Kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar di atas katil 6. Kecederaan lain menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan kekal 7. Kehilangan lengan di bahu 8. Kehilangan lengan di antara bahu dan siku 9. Kehilangan lengan di bawah siku 10. Kehilangan lengan di bawah siku dan pergelangan 11. Kehilangan pergelangan tangan 12. Kehilangan kaki - dipinggul - di antara lutut dan pinggul - di bawah lutut 13. Penglihatan: Kehilangan mata - keseluruhan penglihatan 14. Sebelah mata kecuali persepsi cahaya 15. Kehilangan 4 jari dan ibu jari sebelah tangan 16. Kehilangan 4 jari 17. Kehilangan ibu jari - kedua-dua ruas - satu ruas 18. Kehilangan jari telunjuk - tiga ruas - dua ruas - satu ruas 19. Kehilangan jari tengah - tiga ruas - dua ruas - satu ruas 20. Kehilangan jari manis - tiga ruas - dua ruas - satu ruas 21. Kehilangan jari kelingking - tiga ruas - dua ruas - satu ruas 22. Kehilangan tulang metacarpus - pertama atau kedua (tambahan) - ketiga, keempat atau kelima (tambahan) 23. Kehilangan jari kaki - keseluruhan - ibu jari kaki kedua-dua ruas - ibu jari, satu ruas - selain dari ibu jari 24. Kehilangan pendengaran - kedua belah telinga - sebelah telinga 25. Kehilangan suara secara kekal dan menyeluruh	100% 50% 50% 40% 25% 10% 15% 8% 4% 10% 4% 2% 8% 4% 2% 6% 4% 2% 3% 2% 18% 6% 3% 3% 75% 15% 50%

Jumlah agregat keseluruhan peratusan yang dibayar berhubung dengan mana-mana satu Kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya semua 100% telah dibayar, perlindungan di bawah Sijil Takaful ini tidak akan berkuatkuasa lagi. Kesemua pampasan yang kurang dari 100% jika telah dibayar akan menyusutkan kadar nilai perlindungan dari mula tarikh Kemalangan hingga tarikh luput Sijil Takaful.

Kehilangan kegunaan secara kekal dan menyeluruh dianggap sebagai hilang keupayaan kekal.

Kehilangan kedua-dua mata - keseluruhan penglihatan bermaksud hilang keupayaan secara menyeluruh ke atas Orang Yang Dilindungi untuk melihat semula serta tidak ada peluang untuk dipulihkan melalui pembedahan atau apa-apa kaedah rawatan.

Kehilangan suara secara kekal bermaksud hilang keupayaan untuk berkomunikasi melalui kaedah lisan secara kekal dan menyeluruh.

Sekiranya terdapat kecederaan dan musibah yang tidak tersenarai di dalam Skala Pampasan ini, pihak Syarikat akan memaklumkan kepada Anda peratusan pampasan yang pada pihak Syarikat konsisten dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Skala Pampasan dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Dilindungi.

SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersil. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersil

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3. HAD UMUR

Peserta Takaful mestilah berumur tidak kurang dari lapan belas (18) tahun atau tidak melebihi lapan puluh (80) tahun ketika membuat permohonan.

4. PRA-SYARAT KEPADA TANGGUNGAN SYARIKAT

Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatal dengan sendirinya apabila:

- (a) Jika sebarang Cadangan atau Akaan Peserta Takaful didapati tidak benar, atau jika apa-apa fakta penting berkaitan Peserta Takaful yang diberikan tidak tepat, atau tidak dimaklumkan secara sengaja oleh Peserta Takaful;
- (b) Jika Sijil Takaful ini atau mana-mana pembaharuan yang diperolehi melalui sebarang kesilapan pernyataan, kesilapan penyampaian atau menyembunyikan sebarang fakta; atau
- (c) jika sebarang tuntutan yang dibuat tidak benar atau melibatkan penipuan atau dibesar-besarkan atau akaan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong sebarang tuntutan.

5. PERUBAHAN MAKLUMAT

Peserta Takaful hendaklah memberi notis dengan segera kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, pekerjaan, hobi atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah menjejaskan Peserta Takaful.

Semua notis yang mana Peserta Takaful perlu mengemukakan kepada pihak Syarikat mestilah diajukan secara bertulis yang dialamatkan kepada pihak Syarikat dan tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini atau Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini dianggap sah melainkan jika ditandatangani atau disahkan oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat.

Peserta Takaful juga harus memberitahu pihak Syarikat mengenai Pengendali Takaful lain (kecuali kupon atau berkaitan dengan Sijil Takaful Motor) yang turut menerima kesan akibat Kemalangan dan/ atau ketidakupayaan yang berkenaan.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

6. PROSEDUR TUNTUTAN

Dalam kes kematian atau hilang keupayaan kekal yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini:

- (a) Orang Yang Dilindungi hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam Sijil Takaful ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Orang Yang Dilindungi boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

Sekiranya Sumbangan Takaful tidak berbayar, amaun tertunggak akan ditolak daripada jumlah penyelesaian, yang mengakibatkan jumlah manfaat menjadi kurang daripada Amaun Perlindungan yang tertera di dalam Jadual.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan di bawah Sijil Takaful ini sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut diberikan mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.

Segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan oleh Anda atau wakil Anda yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan sifat sebagaimana yang ditetapkan oleh Kami. Anda hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan apabila diperlukan, di atas tanggungan Anda sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan hilang keupayaan kekal akibat Hilang Keupayaan Kekal. Dalam kes kematian Anda, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengubuman atau pembakaran dijalankan, dan Kami boleh menghantar wakil semasa pemeriksaan autopsi ke atas mayat Anda. Kami mempunyai hak untuk menjalankan autopsi ke atas mayat Anda di atas tanggungan Kami sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang.

SYARAT TUNTUTAN

1. Pampasan di bawah Hilang Keupayaan Kekal akan dibayar hanya apabila Kecederaan Tubuh Badan tersebut menghalang Orang Yang Dilindungi dari melibatkan diri di dalam sebarang aktiviti perniagaan atau pekerjaan, atau melaksanakan sebarang pekerjaan, untuk pampasan atau keuntungan. Bagi menentukan Hilang Keupayaan Kekal ini, situasi ini mestilah berlanjutan tanpa gangguan, sekurang-kurangnya selama dua belas (12) bulan daripada tarikh berlakunya Kecederaan Tubuh Badan dan tamat tempoh perlindungan yang mana Orang Yang Dilindungi tidak ada harapan untuk pulih.
2. Pampasan di bawah Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara dan Hilang Keupayaan Separa dan Sementara akan dibayar hanya apabila Kecederaan Tubuh Badan tersebut, secara keseluruhannya atau sebahagiannya menghalang Orang Yang Dilindungi daripada melaksanakan sebarang pekerjaan, dalam masa dua puluh (20) hari daripada tarikh berlakunya Kemalangan.
3. Tempoh bayaran pampasan di bawah Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara dan Hilang Keupayaan Separa dan Sementara sama ada secara berasingan atau sekali hendaklah tidak melebihi 104 minggu, dengan syarat mana-mana satu kecederaan yang berlaku daripada tarikh Orang Yang Dilindungi pertama kali diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang berkelulusan sewajarnya.
4. Pampasan di bawah Perbelanjaan Perubatan akan dibayar hanya untuk tempoh rawatan sehingga dua (2) tahun daripada tarikh berlakunya Kemalangan, dengan syarat rawatan terhadap Orang Yang Dilindungi tersebut dikendalikan oleh Pengamal Perubatan yang berkelulusan, dan bahawa rawatan perubatan yang pertama dikendalikan dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu pertama daripada tarikh berlakunya Kemalangan.
5. Jika Manfaat Kematian atau 100% daripada Manfaat Hilang Keupayaan Kekal diputuskan sebagai pembayaran pampasan menurut Perkara 1 atau 2 di atas, Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara dan Hilang Keupayaan Separa dan Sementara akan tamat dengan serta-merta bagi Kecederaan Tubuh Badan yang sama.
6. Manfaat Kematian dan Hilang Keupayaan Kekal tidak boleh dibayar secara agregat di bawah Sijil Takaful ini. Ini bermaksud bahawa jika pampasan bagi manfaat Hilang Keupayaan Kekal secara agregat adalah kurang daripada 100% daripada jumlah Manfaat telah dibayar kepada Orang Yang Dilindungi, perlindungan Kematian dan/ atau Hilang Keupayaan Kekal akan dikurangkan mengikut kadar jumlah yang dibayar daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh luput Sijil Takaful ini.
7. Jumlah pampasan yang akan dibayar setiap minggu di bawah Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara adalah terhad seperti yang tertera di dalam Jadual tetapi tidak boleh melebihi 25% daripada gaji bulanan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada had maksimum RM1,000.00 setiap minggu.
8. Jumlah pampasan yang akan dibayar setiap minggu di bawah Hilang Keupayaan Separa dan Sementara adalah terhad seperti yang tertera di dalam Jadual tetapi tidak boleh melebihi 12.5% daripada gaji bulanan Orang Yang Dilindungi, tertakluk kepada had maksimum RM500.00 setiap minggu.
9.
 - (a) Pampasan tidak akan dibayar untuk lebih daripada satu (1) perkara Manfaat berkenaan dengan akibat daripada satu Kemalangan terhadap Orang Yang Dilindungi, kecuali mana-mana pampasan yang akan dibayar, tertakluk kepada Hilang Keupayaan Separa dan Sementara terdahulu atau seterusnya Hilang Keupayaan Menyeluruh Sementara; dan
 - (b) Tiada pampasan mingguan akan dibayar sehingga jumlah keseluruhan telah dipastikan dan dipersetujui. Walau bagaimanapun, jika bayaran dibuat untuk pampasan mingguan, jumlah yang akan dibayar akan berkurangan daripada mana-

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

mana jumlah yang boleh dituntut yang berkenaan dengan Kemalangan yang sama.

10. Jumlah pampasan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih Kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi semuanya tidak boleh melebihi jumlah terbesar yang dilindungi di bawah mana-mana satu perkara yang terkandung dalam Jadual Manfaat atau penambahan kepada Sijil Takaful ini melalui Endorsmen, kecuali Orang Yang Dilindungi akan membayar perbelanjaan perubatan sebagai tambahan.

7. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

8. PEMBATALAN

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum luput jika tiada tuntutan di buat di bawah Sijil Takaful ini. Pihak Syarikat juga boleh membatalkan Sijil Takaful (dengan syarat ia perlu, munasabah dan wajar) dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Yuran Pembatalan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

9. PEMBAHARUAN

Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memberi notis kepada Peserta Takaful untuk memaklumkan bahawa Sumbangan pembaharuan pada tarikh Sijil Takaful tamat tempoh dan perlu dibayar dengan serta-merta kepada Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat Sijil Takaful; walau bagaimanapun dengan sekatan tempoh empat belas (14) hari itu, pihak Syarikat akan tetap bertanggungjawab untuk membayar Pampasan yang berkenaan jika pada hari ke-14, Sumbangan Takaful itu sebenarnya telah dibayar melainkan jika pihak Syarikat atau Orang Yang Dilindungi diberikan notis bahawa perlindungan tidak akan diperbaharui. Pihak Syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan dan Sijil Takaful tidak boleh diperbaharui selepas tahun perlindungan di mana Peserta Takaful mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

10. PENIMBANGTARAAN

Sebarang percanggahan yang timbul daripada Sijil Takaful ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbangtara tunggal yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan atau jika tidak boleh dipersetujui dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh khilaf tersebut, dua Penimbangtara, setiap satu dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak. Dalam kes di mana pihak-pihak berkenaan atau para Penimbangtara menyifatkan lebih sesuai, para Penimbangtara boleh bersetuju untuk melantik seorang Pengadil sebelum memulakan rujukan itu. Pengadil tersebut hendaklah bersidang bersama para Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat dan membuat keputusan mengenai Anugerah yang akan menjadi syarat duluan kepada sebarang tindakan ke atas pihak Syarikat. Kos timbangtara dan kos lain yang berkaitan hendaklah selaras dengan keputusan para Penimbangtara atau Pengadil. Walau bagaimanapun, semua kos awal bagi pelantikan dan rujukan hendaklah ditanggung dan dibayar dengan serta-merta oleh Peserta Takaful. Jika pihak Syarikat menolak tanggungan kepada Peserta Takaful bagi sebarang tuntutan dan tuntutan itu tidak dirujuk untuk timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh penafian tuntutan, maka tuntutan itu hendaklah disifatkan telah terbengkalai dan tidak boleh dibuka semula selepas itu di bawah peruntukan ini.

Kematian mana-mana pihak tidak boleh membatalkan atau menjejaskan kuasa Penimbangtara, para Penimbangtara atau Pengadil masing-masing; dan sekiranya berlaku kematian Penimbangtara atau Pengadil, seorang lagi hendaklah dilantik untuk menggantikannya oleh pihak atau Penimbangtara (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang telah melantik Penimbangtara atau Pengadil tersebut. Dan dengan ini ditetapkan dan diisytiharkan bahawa adalah menjadi syarat terdahulu kepada hak tindakan atau guaman ke atas Sijil Takaful ini, bahawa keputusan oleh Penimbangtara, para Penimbangtara atau Pengadil mengenai jumlah kehilangan atau kerosakan yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

Dalam mana-mana keadaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya kehilangan tersebut melainkan jika tuntutan itu adalah tertakluk kepada tindakan mahkamah yang belum selesai atau timbangtara.

11. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan yuran Wakalah sehingga 60% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful lain yang ditimpa musibah.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai yuran Wakalah sebenar yang dikenakan, sila hubungi pihak Syarikat untuk maklumat lanjut. (Tel: 03-2723 9696 @ e-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

12. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SPI) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebihan daripada Dana Risiko pada masa depan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pemindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

13. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat, dan Endorsmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

14. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain yang berkenaan.

15. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana jua disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

16. SERAH HAK

Tiada sebarang kepentingan serah hak berkaitan dengan Sijil Takaful ini yang akan mengikat pihak Syarikat melainkan dipersetujui terlebih dahulu oleh pihak Syarikat, di mana satu salinan serah hak yang diperakui benar dan Sijil Takaful asal diserahkan kepada Syarikat di Ibu Pejabat.

17. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

18. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

19. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak bercadang untuk dan tidak melindungi:

1. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:

(a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;

(b) Sebarang kegiatan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

(c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental sedia wujud pada Orang Yang Dilindungi;
 - (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
 - (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat kemalangan;
 - (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
 - (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivill atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
 - (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
 - (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi; melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang di benarkan.
 - (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.
2. Kematian atau Hilang Keupayaan atau mana-mana kehilangan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi:
- (a) ketika mengendalikan atau menunggang kenderaan bermotor beroda-dua sebagai sukan atau untuk sebarang tujuan lain;
 - (b) semasa menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal kecuali alat mudah-alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran;
 - (c) semasa dalam penerbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat berlesen untuk perkhidmatan penumpang. (Perkataan 'penumpang' tidak termasuk anggota anak kapal atau orang yang terlibat dalam apa-apa pengendalian teknikal atau navigasi di dalam atau di atas pesawat);
 - (d) semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
3. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi terlibat di dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, mendaki di kawasan terpencil yang berlesen, bermain hoki ais, bermain polo, lumba kuda berhalang, mencuci menara, sukan musim sejuk, kapal layar, melompat ski-air, aktiviti menyelam, belon udara panas, aktiviti payung terjun, terjun lelabah atau sebarang sukan terjun udara, aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan atau menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki), pacesetting atau menyertai mana-mana ujian kelajuan, kebolehpercayaan atau ujian lain atau sukan atau permainan profesional.
4. Kematian atau Hilang Keupayaan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana jua sindrom ini telah didapati atau mungkin dinamakan.
5. Kematian atau Hilang Keupayaan yang dialami yang disebabkan oleh:
- (a) pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear bagi tujuan pengecualian ini pembakaran termasuk sebarang proses berkari pembelahan nuklear;
 - (b) bahan senjata nuklear.
6. Kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya:
- (a) oleh apa-apa jenis penyakit yang lain;
 - (b) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini);
 - (c) semasa Orang Yang Dilindungi di bawah pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah semasa memandu;
 - (d) semasa kenderaan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk di mana ia digunakan sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang);
7. Sebarang kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
8. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuai, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan kemalangan atau kerosakan kepada penumpang.
9. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.
10. Orang Yang Dilindungi yang terlibat dalam Perjalanan Udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat pelbagai enjin berlesen yang

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersil, atau dimiliki atau dikendalikan oleh syarikat komersil yang diiktiraf.
11. Pendedahan sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), atau perbuatan jenayah Orang Yang Dilindungi sendiri.
 12. Sekiranya Orang Yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, aktiviti sukan atau aktiviti masa lapang yang melibatkan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Sijil Takaful ini, tanpa Orang Yang Dilindungi memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Syarikat dan mendapatkan kebenaran bertulis untuk meminda Sijil Takaful ini (tertakluk kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dirasakan munasabah oleh pihak Syarikat), tiada tuntutan akan dibayar ke atas musibah yang di alami.
 13. Kematian atau Hilang Keupayaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh:
 - (a) Sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, kemusnahan, dan sekatan;
 - (b) Kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau peralatan yang disewa; menguji apa-apa jenis kenderaan.
 14. Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
 - (a) Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
 - (b) Kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
 - (c) Perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Orang Yang Dilindungi sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi), atau
 - (d) Aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.
 15. Yang timbul daripada aktiviti-aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan dengan tujuan rekreasi, pemasangan minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian letupan.
 16. Kerugian turutan atau kerosakan dalam apa-apa bentuk.
 17. kepada orang-orang yang di bawah umur lapan belas (18) dan melebihi umur lapan puluh (80).

WARANTI SUMBANGAN TAKAFUL

- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Bilamana Sumbangan yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan, terletak pada pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFUL INI.

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998
Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
Tingkat 5, Bangunan Malaysian Re
No.17, Lorong Dungun, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau penyelesaian yang dicadangkan bagi tuntutan Anda, Anda boleh membuat rayuan terus kepada pihak Syarikat. Jika Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Anda boleh merujuk perkara ini kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad Syarikat, tertakluk kepada bidang kuasa FMOS (iaitu kerugian langsung tidak melebihi RM250,000).

Sekiranya aduan Anda berada di luar skop FMOS, atau Anda memilih untuk tidak membawa perkara ini kepada FMOS, Kami akan merujuk Anda kepada BNMLINK di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk bantuan lanjut.

Maklumat untuk menghubungi FMOS dan BNMLINK adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (200401025885) (dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel : 603-2272 2811 Laman sesawang: www.fmos.org.my	BNMLINK-Bank Negara Malaysia Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 Laman sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK
--	--

Takaful
IKHLAS®